

# Banyak syarikat besar UAE mahu tambah pelaburan - PM

Oleh **MOHD. FADHLI**  
**MOHD. SULAIMAN**  
fadhli.sulaiman@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Perdana Menteri diberitahu banyak syarikat besar di Emiriah Arab Bersatu (UAE) yang melabur di Malaysia bercadang menambah pelaburan masing-masing.

Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, dalam lawatan kerjanya ke negara itu, beliau berpeluang bertemu 40 wakil daripada 21 syarikat besar

yang merancang menambah pelaburan sedia ada tersebut.

Sehubungan itu, beliau telah berkongsi dengan syarikat berbabit mengenai bagaimana Malaysia berjaya menarik pelbagai pelaburan baharu dari syarikat-syarikat terkemuka global seperti Tesla, Infineon dan Geely.

"Malaysia telah lama menjalin hubungan akrab dengan UAE, terutama dengan Abu Dhabi.

"Saya menekankan pentingnya perkongsian strategik

bukan sahaja di dalam satu atau dua sektor, tetapi di dalam pelbagai sektor.

"Industri halal dan kewangan Islam Malaysia adalah satu sektor menyaksikan banyak kerjasama boleh dijalin, dan saya berkongsi Malaysia juga menekankan konsep keadilan sosial melalui pelaksanaan industri halal.

"Insya-Allah, jalinan perhubungan dua hala antara Malaysia dan UAE akan terus ditambah baik.

"Yang sama penting, Pelan

Halatuju Peralihan Tenaga Baharu (NETR) dan juga Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP2030) bakal mengukuhkan asas industri dan perniagaan di Malaysia," katanya dalam kenyataan semalam.

Antara syarikat tersebut ialah ADNOC, TAQA, MASDAR, Al-Dahra, Lulu, DP World, ADIA dan Mubadala. Majlis Pelabur Antarabangsa UAE dan Dewan-Dewan Perniagaan Abu Dhabi dan Dubai turut berhasrat menambah pelaburan sedia ada.